



PENDAFTARAN SURAT KUASA WAKIL

(1) Apakah Surat Kuasa Wakil?

Surat Kuasa Wakil ialah dokumen atau instrumen pelantikan wakil kuasa oleh Pemberi Kuasa kepada Penerima Kuasa untuk sesuatu tujuan tertentu.

Pemberian kuasa boleh dibuat secara am atau secara khusus dengan kuasa yang diberikan sama ada kuasa boleh batal atau kuasa tidak boleh batal mengikut keperluan/keadaan masing-masing.

Pelantikan Wakil Kuasa/Penerima Kuasa perlu dinyatakan dengan jelas dan terang di dalam dokumen Surat Kuasa Wakil.

(2) Siapa Yang Boleh Mendaftar Dokumen Surat Kuasa Wakil?

Sama ada Pemberi Kuasa atau Penerima Kuasa mendaftar sendiri atau diwakili oleh Peguam dalam urusan pendaftaran dengan mengemukakan permohonan pendaftaran dokumen tersebut di kaunter Pejabat Pendaftaran Surat Kuasa Wakil, Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur atau di mana-mana Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di seluruh Semenanjung Malaysia.

(3) Bagaimana Mendaftar Dokumen Surat Kuasa Wakil?

- i) Dua (2) set dokumen Surat Kuasa Wakil perlulah disediakan:
 - a) satu (1) salinan asal dokumen Surat Kuasa Wakil (untuk simpanan sendiri); dan
 - b) satu (1) salinan pendua dokumen Surat Kuasa Wakil (untuk difailkan dan diserahkan ke Mahkamah).
- ii) Penurunan tandatangan Pemberi Kuasa mestilah disaksikan oleh pihak-pihak berikut:

a) di Semenanjung Malaysia:

- i) Majistret;
- ii) Jaksa Pendamai;
- iii) Pentadbir Tanah;
- iv) Notari Awam;
- vii) Pegawai bagi syarikat yang menjalankan tugas-tugas bank yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis di Semenanjung Malaysia.

Dokumen Surat Kuasa Wakil yang disempurnakan oleh saksi-saksi di atas mestilah dalam borang yang diperuntukkan dalam **Akta Surat Kuasa Wakil 1949** seperti berikut:-

- ☀ BORANG I – Format Pengesahan untuk Individu
- ☀ BORANG II – Format Pengesahan untuk Syarikat

b) di luar Semenanjung Malaysia:

- i) Notari Awam;
- ii) Pesuruhjaya Sumpah;
- iii) Mana-mana Hakim;
- iv) Majistret;
- v) Konsul British atau Naib-Konsul British;
- vi) Wakil kepada Baginda Ratu Britain;
- vii) Konsul Malaysia;
- viii) Bagi dokumen yang disempurnakan di Arab Saudi, oleh Pesuruhjaya Ziarah Malaysia;
- ix) Bagi dokumen yang disempurnakan di Singapura, oleh Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Agung Singapura; atau
- x) Bagi dokumen yang disempurnakan di Singapura, oleh pegawai bagi syarikat yang menjalankan tugas-tugas bank di Republik Singapura dan diperbadankan menurut mana-mana undang-undang bertulis Republik itu.

Akta Surat Kuasa Wakil 1949 tidak memperuntukkan format khas yang perlu diikuti, tetapi suatu bentuk pengesahan penyaksian oleh saksi-saksi di atas perlulah disertakan.

(4) Bagaimana Untuk Mendaftarkan Dokumen Pembatalan Surat Kuasa Wakil?

- i) Dokumen-dokumen yang perlu disediakan:
 - a) Satu (1) dokumen Pembatalan Surat Kuasa Wakil yang asal (untuk simpanan sendiri); dan
 - b) Satu (1) dokumen Pembatalan Surat Kuasa Wakil pendua (untuk difailkan dan diserahkan ke Mahkamah); dan
 - c) Dokumen Surat Kuasa Wakil yang asal yang telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Malaya.
- ii) Setiap dokumen Surat Kuasa Wakil yang telah didaftarkan akan terus berkuatkuasa sehinggalah;
 - a) Notis Pembatalan yang telah difailkan, diterima daripada pihak Pemberi Kuasa; atau
 - b) Notis Pelepasan yang telah difailkan, diterima daripada Penerima Kuasa; atau
 - c) Pemberi Kuasa atau Penerima Kuasa telah meninggal dunia; atau
 - d) Penerima Kuasa menjadi tidak siuman; atau
 - e) Pemberi Kuasa telah diisytiharkan sebagai tidak siuman; atau
 - f) Pemberi Kuasa telah diisytiharkan bankrap.

(5) Apakah Bahasa Yang Harus Digunakan?

- i) Dokumen Surat Kuasa Wakil yang hendak didaftarkan mestilah dibuat sama ada di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
- ii) Terjemahan hendaklah dilakukan jika Surat Kuasa Wakil itu adalah selain daripada Bahasa Malaysia atau Inggeris. Terjemahan yang disertakan mestilah:
 - a) disahkan oleh Jurubahasa yang bertugas di Mahkamah; atau
 - b) terjemahan dibuat oleh mereka yang berkelayakan untuk menterjemah dan disertakan sekali Surat Akuan Berkanun (*Statutory Declaration*) daripada penterjemah berkelayakan tersebut.

(6) Berapakah Jumlah Bayaran Untuk Pendaftaran Dokumen Surat Kuasa Wakil Dan Dokumen Pembatalan Surat Kuasa Wakil?

Pembayaran bagi pendaftaran dokumen Surat Kuasa Wakil dan dokumen pembatalan Surat Kuasa Wakil adalah seperti berikut:

a) Pendaftaran dokumen Surat Kuasa Wakil:

Pendaftaran	RM25.00
Deposit	RM10.00
Setiap helaian sebelum bahagian penyempurnaan	RM2.00

b) Pendaftaran dokumen pembatalan Surat Kuasa Wakil:

Pendaftaran	RM10.00
Setiap helaian sebelum bahagian penyempurnaan	RM2.00

☀ **NOTA :** Setiap dokumen Surat Kuasa Wakil yang telah disempurnakan mestilah disetem terlebih dahulu di Pejabat Duti Setem sebelum dikemukakan untuk pendaftaran di Mahkamah Tinggi.

☀ Akta Surat Kuasa Wakil 1949 tidak terpakai di Sabah dan Sarawak.

PENAFIAN:

Maklumat yang dipaparkan ini bukan merupakan nasihat undang-undang dan hanya merupakan panduan sahaja. Jika anda memerlukan nasihat undang-undang, anda dinasihatkan merujuk kepada peguam.